



POLISI ANTIRASUAH

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI



PERNYATAAN ANTIRASUAH PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN) ditubuhkan selaras dengan Perkara 11 Perlembagaan Negeri Sarawak (C.N.S. 163/63) dan pelantikan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SKN) adalah juga tertakluk kepada Peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Negeri Sarawak. SKN berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Kewangan Negeri di bawah Akta Acara Kewangan Negeri Tahun 1957 dan bertanggungjawab ke atas segala urusan kewangan bagi Kerajaan Sarawak

1. PSKN komited dalam melaksanakan usaha-usaha melarang perbuatan rasuah kepada semua warga kerja dan aktiviti Jabatan dan perhubungannya dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.
2. PSKN akan terus melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan segala bentuk rasuah dan akan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.
3. PSKN akan sentiasa memberi ruang kepada warga kerja PSKN dan pihak-pihak berkepentingan untuk terus melaporkan sebarang salah laku rasuah di pejabat.
4. Polisi ini diwujudkan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan.
5. Polisi ini mendukung Visi dan Misi PSKN serta Aspirasi Negara.
6. Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja PSKN dan pihak-pihak berkepentingan dalam urusan PSKN dan digunapakai sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah.
7. PSKN akan sentiasa menambahbaik keperluan-keperluan di bawah polisi antirasuah ini dari masa ke masa.
8. Tindakan tatatertib dan undang-undang yang sewajarnya akan diambil ke atas warga kerja PSKN yang gagal mematuhi polisi ini.

Dato Sri Dr. Wan Lizozman bin Wan Omar
Setiausaha Kewangan Negeri
Tarikh: 24 Julai 2024

ISI KANDUNGAN

Perkara

- 1.Tujuan
- 2.Objektif
- 3.Justifikasi
- 4.Peruntukan Undang-Undang
- 5.Tanggungjawab dan Tindakan
- 6.Struktur Pematuhan Dalaman
- 7.Tafsiran “Suapan”
- 8.Kesalahan Rasuah
- 9.Jenis-Jenis Kesalahan Rasuah
- 10.Hukuman Sabit Kesalahan
- 10.Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Perlakuan Rasuah
- 11.Kegagalan Melapor
- 12.Perindungan Pemberi Maklumat
- 13.Pelaksanaan Ketekunan Wajar
- 14.Cabaran Dalam Pelaksanaan Polisi Antirasuah
- 15.Perkara Umum
- 16.Tarikh Kuatkuasa
- 17.Kesimpulan
- 18.Rujukan

Muka surat

- 1
- 2
- 3
- 3
- 4
- 5
- 6
- 6
- 7
- 8
- 9 - 10
- 11
- 11
- 12
- 13
- 14
- 14
- 15
- 16



TUJUAN

- Polisi antirasuah ini diwujudkan bagi menerangkan dasar mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di PSKN.
- Polisi ini dibukukan dengan cara yang mudah difahami dan senang disimpan bagi tujuan rujukan warga kerja PSKN.
- Ianya adalah satu bentuk komunikasi mengenai dasar antirasuah dalam usaha memantapkan budaya integriti di kalangan warga kerja PSKN
- Polisi ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta serta peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.



OBJEKTIF

- Polisi ini diharap dapat meningkatkan komitmen warga kerja PSKN agar sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik dan bersih dan berintegriti tinggi.
- Memberi keberanian kepada warga kerja PSKN untuk sama- sama membendung jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di tempat kerja.
- Mewujudkan budaya zero-rasuah dan menjadikannya sebagai amalan kerja di PSKN.
- Memberi penerangan berhubung kesalahan-kesalahan yang terdapat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- Memberi panduan berhubung tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.



JUSTIFIKASI

Keperluan ke atas polisi antirasuah?

- Mendukung pelaksanaan Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional 2024-2028
- Menyokong pelaksanaan Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional 2024-2028 selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional.
- Memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewangan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan berkesan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Seksyen 16, 17, 18 dan 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Pengurusan Atasan

- Membuat pemantauan menyeluruh serta memberi tumpuan kepada komunikasi dalaman supaya organisasi mengambil tindakan-tindakan proaktif dalam menangani gejala rasuah; dan
- Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Warga kerja PSKN

- Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti rasuah kepada saluran yang telah disediakan. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta711);
- Memahami polisi antirasuah PSKN
- Memberi kerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan
- Menghadiri latihan dan taklimat berkaitan pematuhan polisi ini.

Unit Integriti

- Melaksanakan kawalan dalaman berkaitan sebarang kelakuan tidak wajar yang berlaku di PSKN dan melaporkan secara terus kepada pengurusan atasan; dan
- Memberi penerangan jelas kepada semua warga kerja PSKN bahawa sebarang pelanggaran tatakelakuan membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah peraturan yang sedang berkuat kuasa.



STRUKTUR PEMATUHAN DALAMAN

Unit Integriti

Menjalankan enam (6) fungsi teras Integriti:-



TAFSIRAN “SUAPAN”

- Suapan boleh datang dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk wang, hadiah, pinjaman, fi, alang, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 – Permulaan, Seksyen 3, Tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

KESALAHAN RASUAH

- Apakah Itu Rasuah?
- Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694):
- Secara umumnya, rasuah merupakan suatu perbuatan sama ada memberi atau menerima sesuatu suapan yang berbentuk wang tunai atau barangan berharga sebagai upah bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu. Sebagai contoh, seorang kontraktor memberikan hadiah berbentuk jam tangan berharga kepada seorang pegawai Kerajaan bagi meluluskan projek kepada syarikatnya.

JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH

- Berdasarkan ASPRM 2009 (Akta 694), terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama iaitu:
 - **Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) ASPRM 2009]**
Mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta/menerima satu suapan sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.
 - **Memberi suapan [seksyen 17(b) ASPRM 2009]**
Mana-mana orang secara rasuah menawar/memberi satu suapan kepada pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal pegawai awam tersebut.
 - **Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 ASPRM 2009]**
Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (resit, invoice) yang mempunyai butiran matan palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipal (pejabatnya).
 - **Salah guna kuasa [Seksyen 23 ASPRM 2009]**
Pegawai Badan Awam atau anggota Pentadbiran kerajaan menggunakan kedudukan nya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

HUKUMAN SABIT KESALAHAN

01

Seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

02

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima (5) kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000 yang mana lebih tinggi



PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga kerja PSKN hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

01 JANGAN MINTA

Warga kerja PSKN dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

02 TOLAK

Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan.

Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan.



PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

03 LAPOR

Warga kerja PSKN hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan atau Pegawai di Unit Integriti, PSKN atau terus kepada SPRM.

Warga kerja PSKN boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- Siapakah (who) yang terlibat?
- Bilakah (when) kejadian berlaku?
- Dimanakah (where) kejadian berlaku?
- Apakah (what) kesalahan yang berlaku?
- Kenapakah (why) kesalahan berlaku?
- Bagaimanakah (how) kesalahan berlaku?
- Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

• KEGAGALAN MELAPOR

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan satu kesalahan seperti berikut:

- Gagal melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Gagal melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

• PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi maklumat akan diberikan perlindungan oleh pihak yang berkuasa sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

Antara perlindungan adalah:

- Melindungi maklumat sulit;
- Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DELIGENCE)

• TAPISAN DALAMAN

(Semakan oleh Unit Pentadbiran/ Unit Integriti atau mana-mana Unit yang dipertanggungjawabkan)

- Kenaikan pangkat
- Pengesahan dalam perkhidmatan
- Pertukaran penempatan
- Bercuti keluar negara
- Permohonan pekerjaan luar
- Perisytiharan harta
- Tahap keberhutangan

• SISTEM TAPISAN KEUTUHAN (ESTK) – SPRM

<https://estk.sprm.gov.my/v2> Berdasarkan pekeliling Am Sulit 1/1985:

- Kenaikan pangkat
- Bersara pilihan
- Tapisan am pengurniaan pingat Persekutuan dan pingat Negeri

• TAPISAN LUARAN

- Data Pesalah Rasuah melalui laman sesawang www.sprm.gov.my

CABARAN DALAM PELAKSANAAN POLISI ANTIRASUAH

- Penambahbaikan kepada prosedur kualiti dan tatacara kerja bagi aktiviti Jabatan yang perlu dikemaskini dari semasa ke semasa agar selaras dengan dasar dan undang-undang semasa;
- Undang-undang atau ordinan yang telah lapuk;
- Perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih dan cepat;
- Kekurangan kawalan melalui sistem bagi sesetengah aktiviti Jabatan termasuk penyelenggaraan data dalam sistem; dan
- Modus operandi melibatkan kegiatan usahasama, gabungan, pengedar, ejen, perunding atau mana-mana pihak ketiga lain menyumbang kepada pelanggaran polisi ini.

PERKARA UMUM

- Polisi ini disediakan dan diedarkan kepada semua warga kerja PSKN;
- Polisi ini dipaparkan di pejabat PSKN; dan
- Polisi ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan dan perubahan dasar semasa dan keperluan.

TARIKH KUATKUASA

- Pelaksanaan polisi antirasuah berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

KESIMPULAN

- Memastikan semua warga kerja PSKN memahami tanggungjawab mereka terhadap polisi antirasuah dan mana-mana peraturan yang mana mereka tertakluk dengannya;
- Mewujudkan persekitaran yang membenar dan menggalakkan kakitangan untuk merujuk masalah;
- Jangan meminta – secara langsung atau tidak langsung, di mana warga kerja melaksanakan tugas-tugas, terutamanya terhadap tanggungjawab etika di bawah polisi antirasuah atau undang-undang yang berkaitan; dan
- Aku Janji warga kerja PSKN untuk menghayati dan mengaplikasikan polisi antirasuah ini dalam segenap aspek bidang tugas secara ikhlas dan suci hati



RUJUKAN

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
- Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
- Pekeliling Integriti Negeri Sarawak (PINS) Bilangan 1 Tahun 2024
- Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 mengenai Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola di Peringkat Persekutuan, Negeri Dan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan
- Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional 2024 – 2028
- Polisi antirasuah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Laman rasmi SPRM www.sprm.gov.my





PEJABAT SETIAUSAHA
KEWANGAN NEGERI
SARAWAK

TERIMA KASIH !

Hubungi Kami :



Email
ui.sfs@sarawak.gov.my



Alamat
Unit Integriti
Bahagian Pematuhan Kewangan dan Pengurusan Aset
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
Tingkat 14, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, 93502 Kuching



Pegawai Seranta:

Encik John Elejah Anak Munan (johnelejah@sarawak.gov.my) (082-536629)
Encik Mohammad Ilmi Arif bin Sadi (ilmiarif@sarawak.gov.my) (082-313268)



Please scan for online version



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN
NEGERI SARAWAK